



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA DAN WOAHA PERKUKUH KERJASAMA DALAM KESIHATAN HAIWAN DAN PENDEKATAN ONE HEALTH

PUTRAJAYA, 11 JUN 2026 – Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Chan Foong Hin telah menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (*World Organisation for Animal Health, WOAHA*), Dr. Emmanuelle Soubeyran, di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Putrajaya pada 10 Jun 2026.

Kunjungan tersebut menzahirkan komitmen berterusan Malaysia dan WOAHA dalam memperkukuh kerjasama strategik yang telah sekian lama terjalin, khususnya dalam bidang kesihatan haiwan, perkhidmatan veterinar, pengawasan penyakit, kesiapsiagaan menghadapi kecemasan serta pelaksanaan pendekatan One Health.

Turut hadir ialah pegawai kanan daripada KPKM, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), serta Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

Dalam pertemuan tersebut, Datuk Chan merakamkan penghargaan Malaysia terhadap sokongan berterusan WOAHA dalam memperkukuh kapasiti veterinar negara, menggalakkan pelaporan penyakit yang telus serta memajukan piawaian antarabangsa berkaitan kesihatan haiwan.

Mesyuarat tersebut turut membincangkan usaha berterusan Malaysia untuk memperkukuh penyelarasan pendekatan One Health merentasi sektor kesihatan haiwan, kesihatan awam, hidupan liar, kesihatan haiwan akuatik dan alam sekitar. Ini termasuk kerjasama yang lebih erat antara DVS, DOF dan PERHILITAN dalam menguruskan risiko penyakit di antara ternakan, hidupan liar, haiwan akuatik dan manusia.

Malaysia turut berkongsi perkembangan terkini berkaitan beberapa inisiatif utama negara, termasuk pelaksanaan Pelan Hala Tuju *National Bridging Workshop* (NBW), Strategi Pembasmian Rabies Malaysia serta usaha memperkukuh kesiapsiagaan negara dalam menghadapi penyakit haiwan rentas sempadan dan ancaman penyakit zoonotik yang semakin meningkat. Selain itu, kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai WOA *Performance of Veterinary Services (PVS) Pathway* yang terus berperanan sebagai instrumen penting dalam menyokong penambahbaikan berterusan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

Kunjungan hormat ini memperlihatkan pengiktirafan WOA terhadap komitmen Malaysia untuk membangunkan sistem kesihatan haiwan yang lebih bersepadu, berdaya tahan dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan. Ia juga mengukuhkan komitmen bersama antara Malaysia dan WOA dalam mempertingkatkan kesiapsiagaan bagi menghadapi cabaran kesihatan haiwan dan penyakit zoonotik.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

